



KAMALRU ditemu ramah Mahmood (dua dari kanan) di bangunan SPA di Putrajaya, semalam.

Bos SPA temu duga Kamalru

■ Tan Sri Mahmood Adam bantu Kamalru peroleh jawatan kerajaan

Oleh Firdaus Sahat dan Yasmizal Dohah Aling
arn@mediaprima.com.my
Putrajaya

"Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) berbesar hati memberikan Kamalru peluang pekerjaan. Selepas menemu duga dan melihat sijil miliknya, saya berpuas hati dengan keputusan diperolehi.

"Saya sendiri mengetuai panel temu duga dan apa yang saya lihat, Kamalru mampu bekerja dan berdikari walaupun kudung kaki kiri dan tidak mempunyai jari tangan kiri. Namun, pekerjaan diberikan perlu sesuai dengannya," kata Pengerusi SPA, Tan Sri Mahmood Adam.

Mahmood berkata, pihaknya tidak mahu apa yang terjadi kepada Kamalru sebelum ini berterusan sehingga melemahkan semangatnya.

"Berpuluh kali dia cuba meminta kerja, namun tidak diterima disebabkan keadaannya yang kurang sempurna. Begitupun, ia

bukan alasan mengabaikan orang kelainan upaya seperti ini. Jadi, SPA akan membantu Kamalru mendapatkan pekerjaan dalam sektor kerajaan," katanya.

Menurut Mahmood, rekod SPA menunjukkan Kamalru pernah beberapa kali meminta pekerjaan melalui SPA dan pernah lulus tiga kali ujian SPA. Begitupun, ketika di panggil untuk temu duga, Kamalru tidak hadir.

"Rekod kami menunjukkan dia pernah meminta pekerjaan melalui SPA sejak selepas Sijil Pelajaran Malaysia pada 2006, namun gagal diterima bekerja kerana kerja terbabit tidak bersesuaian dengannya. Kemudian, dia mendaftari tiga ujian pekerjaan ditawarkan dan dia lulus ujian terbabit.

"Dia juga dipanggil enam kali untuk sesi temu duga, tetapi gagal menghadirkan diri disebabkan ketika itu Kamalru sedang melanjutkan pelajaran dalam bidang diploma dan kemudiannya ijazah.

"Boleh dikatakan, ini temu duga kali kedua buat pelajar cemerlang ini dan kami akan melihat kekosongan dalam beberapa bidang pekerjaan yang memerlukan khidmatnya. Antara yang dibuka sekarang ialah pegawai ju-

ruteknik, pegawai sains genetik dan pegawai sains biologi," katanya.

Bagaimanapun, Mahmood menjelaskan apa dilakukan olehnya dan beberapa panel lain semalam hanya sekadar menemuduga calon yang layak untuk kerja itu.

Katanya, SPA masih perlu melakukan mesyuarat dan melihat kapasiti serta keperluan bahagian berkenaan.

"Saya berpuas hati dengan keputusan sesi temu duga terbabit dan keputusan akan dibuat dalam mesyuarat SPA kali kedua, 2014 pada Isnin ini. Selepas itu, baru kami akan mendapat keputusan bidang dan jawatan apakah yang sesuai diberikan kepada Kamalru.

"Saya tidak melihat Kamalru sebagai OKU kerana dia mampu berdikari dan keupayaannya untuk melakukan sebarang kerja. Mungkin nasibnya tidak terbelah di sektor swasta kerana sering dikecewakan setiap kali ditemu duga," katanya.

Mahmood menjelaskan, apa yang dilakukan pihaknya itu sebahagian daripada rangka merakyatkan perkhidmatan awam dalam memberikan perkhidmatan sama adil kepada masyarakat.

FAKTA
Kamalru pernah dipanggil enam kali untuk sesi temu duga